

21 APR 1996

Syed Hamid-Lanun

KEMENTERIAN PERTAHANAN TEMPATKAN KOMPENI DI SEMPORNA

SEMPORNA, 21 April (Bernama) -- Kementerian pertahanan akan menempatkan satu lagi kompeni tentera darat di Semporna tahun ini sebagai langkah mempertingkatkan keselamatan di daerah itu dan persekitarannya.

Menterinya Datuk Syed Hamid Albar berkata, dengan tambahan itu terdapat dua kompeni tentera yang ditempatkan secara tetap di Semporna sekarang.

"Kementerian Pertahanan juga telah mengarahkan agar latihan secara berjadual membabitkan satu batalion tentera diadakan di kawasan Semporna," katanya kepada pemberita selepas majlis bersama rakyat di dewan Datuk Harris di sini, hari ini.

Beliau juga telah mengarahkan Tentera Laut Diraja Malaysia (TLDM) dan Tentera Udara Diraja Malaysia (TUDM) membantu polis marin membuat rondaan di perairan dan kawasan Semporna, katanya.

Terdahulu, dalam ucapannya kepada 1,500 pemimpin masyarakat dan penduduk di sini Syed Hamid memberi jaminan bahawa kerajaan pusat dan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad sendiri memberi perhatian serius kepada masalah serangan lanun di daerah berkenaan.

Semporna diserang lanun dua kali dengan serangan pertama pada 10 Februari lepas yang mana sekumpulan tujuh lanun bersenjatakan pistol, bom ikan dan parang menyerang balai polis Semporna serta melarikan wang tunai RM100,000 daripada sebuah kedai emas di sini. Satu lagi serangan hampir serupa berlaku pada 27 Mac lepas.

Syed Hamid juga menyeru kakitangan awam dan penduduk tempatan Semporna agar menyertai pasukan simpanan wataniah bagi memperkukuh pertahanan awam bagi membantu pasukan keselamatan.

Terdahulu Syed Hamid melawat dan mendengar taklimat di Kem Sri Wangsa yang menempatkan satu kompeni sekarang. Turut hadir pada majlis hari ini ialah Panglima Division 1 Mejar General Datuk Abdul Hassan, Panglima Lima Briged Brig Jen Khairuddin Mohd Yusuf dan Pegawai Daerah berkenaan Encik Salsidu Ibrahim. -- BERNAMA

KG PR